

BAHAGIAN A [25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu **kesalahan tatabahasa**. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Deretan kedai-kedai di Jalan Taming Sari telah terbakar pada petang semalam akibat litar pintas.

- (ii) Ibu membeli beberapa bentuk mutiara untuk dibuat rantai tangan.

- (iii) Pelayan Restoran Niza menghidangi masakan Thai kepada pelanggannya.

- (iv) Program bacaan dinamik akan diadakan di dalam bulan Oktober.

(8 markah)

2. Dalam setiap ayat dibawah ini terdapat satu **kesalahan ejaan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kontrektor binaan itu diberi kuasa untuk membina stesen bas yang baharu untuk kesselesaian para penumpang

- (ii) Aina berkulit hitam dan berambut kerinting

- (iii) Remaja itu menonton basikal yang rosak itu ke sebuah bengkel

(3 markah)

3. Cerakinkan setiap ayat majmuk dibawah ini supaya menjadi dua ayat tunggal.

(i) Pembinaan lebuh raya memendekkan jarak perjalanan dan menjimatkan masa.

(a) _____

(b) _____

(ii) Golongan remaja mahupun golongan tua hendaklah berusaha sedaya upaya untuk memajukan lagi negara ini.

(a) _____

(b) _____

(iii) Barangan buatan Malaysia bukan sahaja bermutu, malah dapat bersaing dengan barang luar negara.

(a) _____

(b) _____

(iv) Peperangan menyebabkan kehidupan huru-hara dan banyak harta benda akan musnah.

(a) _____

(b) _____

(v) Kanak-kanak itu pulang ke rumah masing-masing tatkala hari mulai senja

(a) _____

(b) _____

(10 markah)